



Ruj. Kami : KP(BPPK)120/1Jld.3(39)

Tarikh : 4 Muharram 1433H  
 30hb November 2011

Semua Ketua Jabatan / Bahagian  
 Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah (PPD)

Semua Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

YBhg.Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEJABAT PELAJARAN DAERAH SETIU TERENGGANU	
Tarikh Terima	08 DEC 2011
1 No Fail	<i>[Signature]</i>
2 Tindakan	.....
Ulasan	.....
Tandatangan	<i>[Signature]</i>

**PERMOHONAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN BAGI ANGGOTA KHIDMAT SOKONGAN (AKS) DI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2012**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian YBhg.Datuk/ Dato'/Datin/tuan/puan,mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg.Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, skim perkhidmatan tertentu bagi Anggota Khidmat Sokongan (AKS) menetapkan syarat lulus Peperiksaan Perkhidmatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan. Sehubungan dengan ini, dimaklumkan bahawa **Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Sesi 1 dan Sesi 2 Tahun 2012** bagi Anggota Khidmat Sokongan (AKS) di Kementerian Pelajaran Malaysia akan diadakan pada tarikh-tarikh sepertimana di dalam Jadual Peperiksaan di **LAMPIRAN 'A'**.

3. Calon-calon yang ingin menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Sesi 1 dan Sesi 2 Tahun 2012 boleh memohon **secara atas talian** di dalam Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam (SISPPA) melalui laman sesawang di <http://www.moe.gov.my/sisppa> mulai **1 Disember 2011**.

4. Permohonan secara atas talian ini hendaklah dibuat pada atau sebelum tarikh tutup permohonan yang ditetapkan seperti berikut:-

	<b>Sesi Peperiksaan</b>	<b>Tarikh Tutup Permohonan</b>
i)	Sesi 1 / 2012	31 Disember 2011
ii)	Sesi 2 / 2012	30 Jun 2012

5. Calon boleh memohon berpandukan kepada manual pengguna yang disediakan di dalam sistem. Sukatan peperiksaan juga boleh didapati menerusi sistem yang disediakan. Sebagai peringatan, permohonan selepas dari tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan. Calon-calun yang berjaya memohon dan didaftarkan di dalam sistem hendaklah mencetak dua (2) salinan akuan pengesahan permohonan iaitu salinan untuk Ketua Jabatan dan simpanan calon. Calon dibenarkan membuat pindaan/pengemaskinian maklumat atau pembatalan permohonan sehingga tarikh tutup permohonan yang ditetapkan. Tiket peperiksaan boleh dimuat turun dan dicetak oleh calon dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan. Tiket peperiksaan ini hendaklah dibawa bersama-sama semasa menduduki peperiksaan di pusat peperiksaan yang ditetapkan.

6. Untuk makluman, Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan di Kementerian Pelajaran Malaysia dilaksanakan secara *Open Book Test* Bagi tujuan tersebut, calon hanya dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan bahan-bahan rujukan seperti yang tersenarai di dalam sukatan peperiksaan sahaja bagi tujuan rujukan semasa peperiksaan. Mana-mana calon yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan termasuk tindakan tatatertib.

7. Calon **TIDAK DIBENARKAN** menumpang Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan dengan Kementerian atau Jabatan lain bagi peperiksaan yang dikendalikan sendiri oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Penumpang hanya dibenarkan bagi peperiksaan yang tidak dikendalikan sendiri oleh Kementerian Pelajaran Malaysia tetapi dengan kelulusan Lembaga Peperiksaan Perkhidmatan Awam Kementerian Pelajaran Malaysia (LPPAKPM). Sehubungan dengan ini, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan bagi Penolong Pengurus Asrama Gred N27 pada tahun 2012 akan dilaksanakan secara penumpang dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Pemakluman mengenainya akan dikeluarkan secara berasingan.

8. Adalah dipohon kerjasama daripada YBhg.Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai/kakitangan yang berkenaan di bawah pentadbiran masing-masing.

9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi pegawai-pegawai di Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kompetensi (BPPK), Kementerian Pelajaran Malaysia seperti berikut:

- |       |                                   |                  |
|-------|-----------------------------------|------------------|
| (i)   | En. Jevartnam a/l Baby            | - 03 – 8317 9064 |
| (ii)  | En. Muhamad Hafizi bin Md Ariffin | - 03 – 8317 9067 |
| (iii) | Pn. Zalia binti Azizan            | - 03 – 8317 9066 |

Atas kerjasama YBhg.Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“CINTAILAH BAHASA KITA”**

Saya yang menurut perintah,

  
**( AZME BIN HUSSAIN )**

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi  
b.p Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k : i) TKSU (Pengurusan)

ii) SUB (BPPK)

**JADUAL PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN / JABATAN ANJURAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2012**

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN DAN TARIKH PEPERIKSAAN				MASA		
			SESI 1		SESI 2				
			TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN			
1	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU MAKMAL GRED C17 (2 KALI SETAHUN) Bahagian I - Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Utama (Perintah Am, Arahan (Objektif) Pentadbiran dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bahagian II - Teori - Seksyen A (Objektif) : Biologi, Kimia, Fizik, Keselamatan Dalam Seksyen B (Esei) Makmal dan Bidang Tugas Pembantu Makmal Bahagian III - Amali : Biologi, Kimia, Fizik, Keselamatan Dalam Makmal dan Bidang Tugas Pembantu Makmal	07	31 Disember 2011 (Sabtu)	20 Februari 2012 (Isnin)	25 Februari 2012 (Sabtu)	30 Jun 2012 (Sabtu)	11 Ogos 2012 (Selasa)	07 Ogos 2012 (Selasa)	9.00pagi-10.00pagi 11.00pagi-12.30tgh 9.00pagi-12.00tgh
2	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN JURUTEKNIK GRED J17 (2 KALI SETAHUN) Bahagian I - Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Utama (Perintah Am, Arahan (Objektif) Pentadbiran dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bahagian II - Teori - Seksyen A (Objektif) : Keselamatan, Teknologi Elektrik, Pemasangan Elektrik, Seksyen B (Esei) Binaan Bangunan, Bekalan Air, Mesin dan Peralatan, Amalan Bengkel, Audio/visual dan Sistem Penyamanan Udara Bahagian III - Lukisan Kejuruteraan : Geometri, Unjuran Ortografik, Lukisan Iso-metri, Lukisan Elektrik, Lukisan Bangunan dan Lukisan Mekanikal	01	31 Disember 2011 (Sabtu)	20 Februari 2012 (Isnin)	21 Februari 2012 (Selasa)	30 Jun 2012 (Sabtu)	07 Ogos 2012 (Selasa)	08 Ogos 2012 (Rabu)	9.00pagi-10.00pagi 11.00pagi-12.30tgh 9.00pagi-12.00tgh
3	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU PENGURUSAN MURID GRED N17 (2 KALI SETAHUN) Bahagian I - Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Utama (Perintah Am, Arahan (Objektif) Pentadbiran dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam) Bahagian II - Urusan Pentadbiran Kelas Pra Sekolah, Urusan Pengajaran dan Pembelajaran (Objektif) Murid, Urusan Penyediaan Makanan, Urusan Penjagaan Hal Ehwal Murid dan Urusan pengurusan Murid di Asrama	12	31 Disember 2011 (Sabtu)	22 Februari 2012 (Rabu)	Dikendalikan oleh JPA	30 Jun 2012 (Sabtu)	07 Ogos 2012 (Selasa)	Dikendalikan oleh JPA	9.00pagi-10.00pagi

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN DAN TARIKH PEPERIKSAAN				MASA
			SESI 1		SESI 2		
			TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	
	<b>PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17 (2 KALI SETAHUN)</b>						
4	Bahagian II - Panduan Pengurusan Pejabat, Arahan Keselamatan dan Pekeliling Kemajuan (Objektif) Pentadbiran Awam Bahagian III - Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Perintah Am dan Arahan (Objektif) Perbendaharaan	02	31 Disember 2011 (Sabtu)	22 Februari 2012 (Rabu)	30 Jun 2012 (Sabtu)	09 Ogos 2012 (Khamis)	9.00pagi-10.00pagi 11.00pagi-12.00ggh
	<b>PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENYELIA ASRAMA GRED N17 (2 KALI SETAHUN)</b>						
5	Bahagian I - Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Utama (Perintah Am, Arahan (Objektif) Pentadbiran dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam) Bahagian II - Pengurusan Pentadbiran Asrama, Pengurusan Penghuni Asrama, (Objektif) Pengurusan Kewangan Asrama, Pengurusan Prasarana dan Fizikal, dan Pengurusan Penyediaan Makanan	04	31 Disember 2011 (Sabtu)	Dikendalikan oleh JPA 22 Februari 2012 (Rabu)	30 Jun 2012 (Sabtu)	07 Ogos 2012 (Selasa)	9.00pagi-10.00pagi
	<b>PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEGAWAI KHRIDAT PELANGGAN GRED N17 (2 KALI SETAHUN)</b>						
6	Bahagian I - Kemahiran Asas Komputer (Ujian IT Skill Assessment and Certification (ISAC)) Bahagian II - Panduan Pengurusan Pejabat, Arahan Keselamatan, Pekeliling Kemajuan (Objektif) Pentadbiran Awam dan Ketrampilan Diri Bahagian III - Perintah Am dan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Objektif)	13	31 Disember 2011 (Sabtu)	Dikendalikan oleh INTAN 23 Februari 2012 (Khamis)	30 Jun 2012 (Sabtu)	09 Ogos 2012 (Khamis)	9.00pagi-10.00pagi 11.00pagi-12.00ggh
	<b>PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR GRED W17 (2 KALI SETAHUN)</b>						
7	Bahagian II - Perintah Am, Panduan Pengurusan Pejabat, Arahan Keselamatan can (Objektif) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bahagian III - Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan Panduan (Objektif) Perbendaharaan Talacara Pengurusan Stor	14	31 Disember 2011 (Sabtu)	23 Februari 2012 (Khamis)	30 Jun 2012 (Sabtu)	09 Ogos 2012 (Khamis)	9.00pagi-10.00pagi 11.00pagi-12.00ggh
	<b>PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR RENDAH GRED N11 (2 KALI SETAHUN)</b>						
8	Bahagian I - Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelanikan, Kenakan Pangkat dan (Objektif) Penamatan Perkhidmatan) 2005, Perintah Am, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bahagian II - Panduan Pengurusan Pejabat, Arahan Keselamatan (Objektif)	12	31 Disember 2011 (Sabtu)	23 Februari 2012 (Khamis)	30 Jun 2012 (Sabtu)	09 Ogos 2012 (Khamis)	11.00pagi-12.00ggh 11.00pagi-12.00ggh

BIL	NAMA PEPERIKSAAN	KOD PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN DAN TARIKH PEPERIKSAAN				MASA
			SESI 1		SESI 2		
			TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN	TARIKH PEPERIKSAAN	
9	UJIAN MENAIP BAGI PEMBANTU TADBIR (PERKERANJIAN/OPERASI) GRED N17 (2 KALI SETAHUN)	09	31 Disember 2011 (Sabtu)	21 Februari 2012 (Selasa)	30 Jun 2012 (Sabtu)	08 Ogos 2012 (Rabu)	11.00pagi-12.00tgh
10	UJIAN MENAIP BAGI PEMBANTU TADBIR GRED (KEWANGAN) GRED W17 (2 KALI SETAHUN)	05	31 Disember 2011 (Sabtu)	21 Februari 2012 (Selasa)	30 Jun 2012 (Sabtu)	08 Ogos 2012 (Rabu)	11.00pagi-12.00tgh
11	UJIAN KEDERASAN MENAIP UNTUK HADIAH KENAIKAN GAJI BAGI PEMBANTU TADBIR RENDAH GRED N11 (2 KALI SETAHUN)	11	31 Disember 2011 (Sabtu)	21 Februari 2012 (Selasa)	30 Jun 2012 (Sabtu)	08 Ogos 2012 (Rabu)	9.00pagi

1. Tarikh peperiksaan di atas adalah tarikh yang ditetapkan bagi peperiksaan tahun 2012. Sebarang pindaan tarikh peperiksaan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui laman sesawang, Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) di alamat <http://apps1.moe.gov.my/bppk>.
2. Mulai 1 Disember 2011, semua calon dikehendaki untuk memohon secara atas talian melalui laman sesawang di [www.moe.gov.my/sisppa](http://www.moe.gov.my/sisppa) dengan kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing. Tarikh tutup permohonan bagi Sesi 1/2012 adalah pada **31 Disember 2011** manakala bagi Sesi 2/2012 adalah pada **30 Jun 2012**.
3. Tiket menduduki peperiksaan akan dibuat naik ke tarikh sesawang di alamat [www.moe.gov.my/sisppa](http://www.moe.gov.my/sisppa) dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan. Calon hendaklah memuat turun dan mencetak tiket berkenaan. Surat tawaran/tiket menduduki peperiksaan secara *hardcopy* tidak dikeluarkan. Tiket ini hendaklah dibawa bersama, semasa menghadiri peperiksaan.
4. Calon-calon yang ingin menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Ulama hendaklah memohon terus ke Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut Jadual Peperiksaan Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
5. Peperiksaan Perkhidmatan subjek jabatan bagi Penolong Pengurus Asrama Gred N27 akan diadakan secara penumpangan dengan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Pemakluman mengenainya akan dibuat secara berasingan.
6. Sebarang pertanyaan mengenai Peperiksaan Perkhidmatan anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia boleh dimajukan kepada:

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPETENSI  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BLOK 4803, SUITE 0-2, BANGUNAN CBD PERDANA  
OFF PERSIARAN MULTIMEDIA  
63000 CYBERJAYA**

No. Tel : 03-8317 9064/9066

No. Faks : 03-8317 9090/9118/9119

E-mel : [sisppa@moe.gov.my](mailto:sisppa@moe.gov.my)

Laman BPPK : <http://apps1.moe.gov.my/bppk>